

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 27 September 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI OGOS 2023

SEPULUH NEGERI MENCATATKAN LEBIHAN DAGANGAN PADA OGOS 2023

PUTRAJAYA, 27 September 2023 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM213.0 bilion pada Ogos 2023 dengan nilai eksport RM115.2 bilion dan import bernilai RM97.9 bilion. Lebihan dagangan Malaysia meningkat 0.1 peratus tahun ke tahun kepada RM17.3 bilion pada Ogos 2023. Sepuluh negeri mencatatkan lebihan dagangan iaitu Pulau Pinang, Sarawak, Johor, Sabah, W.P. Labuan, Pahang, Terengganu, Perak, Kelantan dan Perlis seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI OGOS 2023**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport Malaysia pada Ogos 2023 bernilai RM115.2 bilion, menurun sebanyak RM26.4 bilion (-18.6%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (-RM9.1 bilion), Johor (-RM7.9 bilion), Selangor (-RM3.6 bilion), Sarawak (-RM2.7 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM2.5 bilion), Melaka (-RM607.1 juta), Sabah (-RM484.8 juta), Kelantan (-RM253.5 juta), Terengganu (-RM191.6 juta), Perak (-RM124.7 juta), Pahang (-RM86.0 juta) dan Perlis (-RM26.0 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di W.P. Labuan sebanyak RM719.1 juta, Kedah (+RM431.3 juta) dan Negeri Sembilan (+RM246.8 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 28.8 peratus, diikuti oleh Johor (22.1%), Selangor (18.4%), Sarawak (7.9%) dan Kedah (4.2%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Ogos 2023 juga menurun RM26.4 bilion (-21.2%) berbanding bulan yang sama pada 2022. Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM12.2 bilion), Pulau Pinang (-RM6.2 bilion), Selangor (-RM4.2 bilion), Negeri Sembilan (-RM1.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM721.2 juta), Pahang (-RM402.3 juta), Kedah (-RM348.0 juta), W.P. Labuan (-RM347.1 juta), Sabah (-RM257.0 juta), Melaka (-RM237.1 juta), Perak (-RM190.0 juta), Sarawak (-RM63.7 juta), Perlis (-RM15.8 juta) dan Kelantan (-RM6.1 juta). Walau bagaimanapun, nilai import meningkat di Terengganu sebanyak RM188.1 juta.


Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan 27.7 peratus, diikuti oleh Johor (21.1%), Pulau Pinang (21.1%), W.P. Kuala Lumpur (7.1%) dan Kedah (5.9%).

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Carta 1: Data Siri Masa Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor, Ogos 2022 – Ogos 2023 (RM Bilion)



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Ogos 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
27 SEPTEMBER 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PRESS STATEMENT

FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE AUGUST 2023

TEN STATES RECORDED TRADE SURPLUS IN AUGUST 2023

PUTRAJAYA, 27 September 2023 – Malaysia's total trade for August 2023 amounted to RM213.0 billion with exports and imports recorded RM115.2 billion and RM97.9 billion, respectively. Malaysia's trade surplus increased 0.1 per cent year on year (y-o-y) to RM17.3 billion in August 2023. Ten states that registered trade surplus were Pulau Pinang, Sarawak, Johor, Sabah, W.P. Labuan, Pahang, Terengganu, Perak, Kelantan and Perlis as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE AUGUST 2023**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports was valued at RM115.2 billion in August 2023, decreased RM26.4 billion (-18.6%) as compared to the same month of the previous year. The decrease in exports was attributed to the lower exports in most states such as Pulau Pinang (-RM9.1 billion), Johor (-RM7.9 billion), Selangor (-RM3.6 billion), Sarawak (-RM2.7 billion), W.P. Kuala Lumpur (-RM2.5 billion), Melaka (-RM607.1 million), Sabah (-RM484.8 million), Kelantan (-RM253.5 million), Terengganu (-RM191.6 million), Perak (-RM124.7 million), Pahang (-RM86.0 million) and Perlis (-RM26.0 million). However, exports increased in W.P. Labuan by RM719.1 million, Kedah (+RM431.3 million) and Negeri Sembilan (+RM246.8 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 28.8 per cent share, followed by Johor (22.1%), Selangor (18.4%), Sarawak (7.9%) and Kedah (4.2%).

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports also decreased RM26.4 billion (-21.2%) in August 2023 as compared to the same month in 2022. The decrease in imports was contributed by the lower imports in most

states such as Johor (-RM12.2 billion), Pulau Pinang (-RM6.2 billion), Selangor (-RM4.2 billion), Negeri Sembilan (-RM1.2 billion), W.P. Kuala Lumpur (-RM721.2 million), Pahang (-RM402.3 million), Kedah (-RM348.0 million), W.P. Labuan (-RM347.1 million), Sabah (-RM257.0 million), Melaka (-RM237.1 million), Perak (-RM190.0 million), Sarawak (-RM63.7 million), Perlis (-RM15.8 million) and Kelantan (-RM6.1 million). However, imports increased in Terengganu by RM188.1 million.

Selangor continued to dominate Malaysia's imports with a share of 27.7 per cent, followed by Johor (21.1%), Pulau Pinang (21.1%), W.P. Kuala Lumpur (7.1%) and Kedah (5.9%).

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Time Series Data on Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor, August 2022 – August 2023 (RM Billion)




Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, August 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27 SEPTEMBER 2023**